

24 APRIL 2018

Penjawat awam ditahan jual ganja mampat

Kuala Lumpur

Penjawat awam ditahan jual ganja mampat

Buat kerja sambil dengan menjual ganja mampat. Itu kegiatan seorang penjawat awam yang ditahan polis selepas didapati memiliki ganja seberat lebih 1.6 kilogram (kg).

Suspek ditahan bersama dadah dianggarkan bernilai RM3,500 di kediamannya di Projek Perumahan Awam Desa Rejang, di sini, jam 8.30 malam kelmarin.

Lelaki berusia 28 tahun itu ditahan di kawasan letak kereta pangsapuri berkenaan.

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju Superintendan Mohamad Roy Suhaimi Sarif berkata, sepasukan anggota polis menyerbu rumah suspek terdahulu sebelum itu.

"Ketika serbuan, rumah suspek tidak berpenghuni. Anggota polis memotong kunci mangga pintu dan memasuki rumah berkenaan.

"Hasil pemeriksaan di kediaman suspek, polis



ANTARA barangan dirampas daripada suspek.

menemui lima ketulan mampat ganja bersama beberapa peralatan dipercayai digunakan untuk membungkus dadah seperti pekot plastik kecil, gunting dan pisau di lantai

ruang tamu.

"Turut ditemui alat dipercayai digunakan menghisap ganja selain kad kerja milik suspek yang bertugas di sebuah kementerian," katanya.